

01

EDISI PERTAMA

BULETIN GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JANUARI - JUN 2018



GALERI SENI MERBOK

FAKULTI
SENI LUKIS
& SENI REKA

Seni Reka
Perindustrian

Grafik &
Media Digital

Batik Merbok
UiTM Kedah

Ahli Jawatankuasa
Galeri Seni Merbok
2018-2019

Pencapaian Jabatan GRAFIK
& Aktiviti Pelajar

LAWATAN KE GALERI SENI MERBOK
APRESIASI SENI

AHLI JAWATANKUASA
Galeri Seni Merbok
oleh: Faryna Mohd Khalis



S

ebagai naskah pertama keluaran Galeri Seni Merbok, pihak galeri telah menubuhkan satu ahli jawatan kuasa (AJK) kecil bagi memastikan kelancaran pengurusan dan segala aktiviti dapat diuruskan bersama. Galeri kini diketuai oleh Dr Faryna sebagai kurator, En Taufik sebagai penolong kurator, Pn Suhaila sebagai setiausaha, En Fazlan sebagai AJK susun atur galeri, Dr Neesa Ameera AJK Aktiviti dan En Syafiq selaku AJK Publisiti dan Dokumentasi galeri. Semoga penubuhan AJK ini memberi impak yang lebih cemerlang buat galeri dan fakulti seni lukis dan seni reka (FSSR) UiTM Kedah.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Azhari Md Hashim

Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin, En Syafiq & Arisyah Ayu

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
Dr Azhari Md Hashim
En Zaidi Yusoff
Cik Syahrini Shawalludin
Dr Neesa Ameera Mohamed Salim
En Mohamat Najib Mat Noor

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

GALERI SENI MERBOK
Sejarah Penubuhan
oleh: Zaidi Md Yusoff


G



Galeri Seni Merbok telah dirasmikan pada 1 Ogos 2016 oleh YBHG. Prof Emeritus Dato' Dr Hassan Said iaitu Naib Cancelor Universiti Teknologi MARA. Walau bagaimanapun galeri ini telah diwujudkan pada tahun 2004 selaras dengan tertubuhnya Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka melalui kursus Seni Reka Perindustrian. Kewujudan galeri ini adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat kepada masyarakat dan pelajar-pelajar di universiti, kolej dan sekolah mengenai kursus yang dijalankan melalui karya yang dihasilkan pelajar. Sebagai inisiatif untuk memelihara dan menghargai penubuhan galeri ini, beberapa cadangan pengubahsuaian kecil akan dilakukan untuk penaiktarafan galeri kepada tahap yang lebih baik.

**AHLI
JAWATAN
KUASA
GALERI
SENI
MERBOK**

- Kurator
Dr Faryna Mohd Khalis
- Penolong Kurator
En Mohd Taufik Zulkefli
- Setiausaha
Pn Shuhaila Md Shahid
- Susun Atur Galeri
En Fazlan & Dr Wan Nor Faizah
- Aktiviti
Dr Neesa Ameera Mohamed Salim
- Publisiti/ Dokumentasi
En Syafiq Abd Samat



BATIK MERBOK

Kekal Inej Eksklusif & Mewah

oleh: Zaldi Md Yusoff

Batik Merbok merupakan produk pertama UiTM Kedah yang diilhamkan oleh mantan Ahli Parlimen Merbok suatu masa dahulu. Kewujudan Batik Merbok adalah inisiatif UiTM untuk menjadikannya sebagai salah satu destinasi tarikan yang mesti dikunjungi. Keindahan serta kreativiti hasil kerja tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ini wajar dipamerkan dalam usaha mempromosikan serta ianya mampu membantu menjana pendapatan Batik Merbok dan juga kampus UiTM Kedah. Sehubungan dengan itu wajarlah ruangan jualan yang lebih eksklusif diwujudkan atas dasar promosi dan penjanan pendapatan.

Kewujudan ruang jualan Batik Merbok ini memudahkan seluruh warga kampus serta pengunjung luar yang ingin mendapatkan koleksi cenderahati yang eksklusif dan mampu dimiliki oleh semua pengunjung yang melawat UiTM Kedah. Melalui usaha ini juga diharap ianya mampu menjana pendapatan serta mempromosikan UiTM Kedah serta Batik Merbok melalui penghasilan cenderahati seperti koleksi pakaian lelaki dan wanita, ukiran kayu, cetakan lukisan digital khat di atas kanvas dan lain-lain lagi.

Kursus yang ditawarkan oleh
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UiTM Kedah


oleh: Azhari Md Hashim

Seni Reka PERINDUSTRIAN

Seni Reka Perindustrian mula bertapak di Universiti Teknologi MARA Kedah pada tahun 2004 selari dengan tertubuhnya Galeri Seni Merbok yang pada ketika itu hanya dikenali sebagai Galeri Seni Lukis dan Seni Reka. Kursus ini bukan sahaja melibatkan pembelajaran di dalam kelas dan makmal komputer, tetapi juga bengkel yang dilengkapi dengan mesin-mesin untuk digunakan untuk memotong besi dan kayu. Pelajar perlu menghabiskan 5 semester bagi mendapatkan Diploma dalam kursus ini. Terdapat 3 pengkhususan bagi projek akhir pelajar yang perlu disiapkan semasa semester 5 iaitu rekaan Produk, Perabot dan pengangkutan (*Product, Furniture and Transportation Design*). Bagi memastikan pelajar sentiasa aktif, berkeyakinan dan berdaya saing, Jabatan Seni Reka Perindustrian telah menubuhkan kelab pelajar 'Industrial Designers Club'.



Industrial
Designers Club



Graphic Club



Antara contoh Karya Pelajar

GRAFIK & Media Digital

Bagi kursus Grafik dan Media Digital pula, telah mula beroperasi pada tahun 2008 iaitu 4 tahun selepas tertubuhnya Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Terdapat 5 semester yang perlu dihabiskan oleh pelajar untuk kursus ini. Pelajar juga akan melalui pengkhususan pada akhir semester 05 yang melibatkan Identiti Korporat, Pengiklanan dan Ilustrasi. Antara subjek yang diikuti bagi pengajian ini adalah animasi 2D dan 3D, ilustrasi digital, web design dan penggunaan perisian yang kerap digunakan oleh pereka grafik profesional iaitu Adobe Photoshop dan Illustrator. Bagi menggalakkan penglibatan pelajar supaya aktif di kampus, jabatan Grafik telah menubuhkan Kelab Pelajar. Melalui kelab ini pelajar dapat melakukan dan belajar menguruskan aktiviti-aktiviti seperti Program Khidmat Masyarakat, Sukan, Majlis Makan Malam dan lain-lain lagi.

CATATAN PENCAPAIAN JABATAN GRAFIK & MEDIA DIGITAL

oleh: Syahrini Shawalludin

Jabatan Seni Reka Grafik dan Media Digital telah ditubuhkan pada tahun 2007 dan telah mempunyai sebanyak 21 kumpulan pengambilan pelajar. Jumlah terkini pada tahun 2018, adalah seramai 198 pelajar yang mengambil pengkhususan Seni Reka Grafik dan Media Digital. Jabatan ini dikelolai oleh Koordinator Kursus dan 12 barisan pensyarah dengan pelbagai bidang kepakaran seperti bidang multimedia, rekabentuk grafik,digital media, pengiklanan, fotografi, 3D animasi, 2D animasi, pembungkusan, ilustrasi serta digital ilustrasi. Dibawah jabatan ini, telah ditubuhkan Kelab Grafik khusus bagi menjalankan aktiviti pelajar seperti khidmat masyarakat , mural, malam pra graduan serta aktiviti-aktiviti yang berunsurkan grafik dan media digital dengan kerjasama dari pihak luar. Diketuai dan dijalankan oleh presiden kelab yang telah dipilih di atas kecemerlangan dalam pembelajaran serta mempunyai tahap kepimpinan yang tinggi. Berikut merupakan antara aktiviti yang telah dijalankan.



Pelajar Grafik UiTM hulur bantuan raya

BERKAT
Sempena bulan Ramadhan
Jabatan Grafik dan Media Digital Universiti
Teknologi Mara (UiTM) Kedah
mengajurkan program Singgah Itar di sekitar Kawasan Tenjung Dawai Bedong Semering dan Merbok Kedah baru-baru ini. Program tersebut yang diketuai Faryna Mohd Khalid dan Neesa Ameera Mohamed Salem bertujuan mengurangkan beban keluarga kurang



Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disertakan dalam Komuniti Kita ini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my

berkemampuan di situ menyelang Aidilfitri

Menurut Faryna antara bantuan yang dihubulkan termasuklah duit raya berbas

tebung buah-buahan hamper dan jadah berbuka

Turut menyatakan program tersebut seliaan Rektor UiTM Kedah Dr Asmaid Mohammed Ghazali dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UiTM Kedah Dr Jameludin Akbar

ASMADI (barisan kedua dari kiri) ber gambar bersama pelajar Semester 4 Jabatan Grafik dan Media Digital UiTM, Kedah pada program Singgah Itar di sekitar Kawasan Tenjung Dawai, Bedong, Semering dan Merbok, Kedah baru-baru ini.

Keratan akhbar KOSMO melaporkan Program Khidmat Masyarakat



Antara aktiviti pelajar Grafik & Media Digital sebagai Penulis dan Pelukis bagi Malaysia Book of Record (Historiografi Dua Millenia Pensejarahan Negeri Kedah Darul Aman: Syair Sultan Maulana) dan Program Khidmat Budi bersama Pusat Jagaan Badan Usaha Didikan Anak Yatim Negeri Kedah, Rumah Budi, Yan Kedah.

AKTIVITI PELAJAR

Projek Lukisan MURAL GRAFIK FSSR UITM KEDAH & Universiti Thepsatri Rajabhat THAILAND


oleh : Faryna Mohd Khalis

Pada 3 May 2018 yang lalu telah berlangsungnya program anjuran Fakulti Bahasa UiTM Kedah dengan kerjasama Grafik Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR) untuk menghasilkan Projek Lukisan Mural bersama pelajar-pelajar Universiti Thepsatri Rajabhat Thailand. P

Bertemakan pertembungan budaya dua negara iaitu Malaysia dan Thailand, konsep doodle yang kian popular telah digunakan sebagai teknik lukisan dalam penghasilan mural ini untuk tidak kelihatan tipikal

seperti kebanyakan lukisan mural yang biasa dilihat terutama kdi dinding sekolah dan bangunan-bangunan awam.

Mural ini telah berjaya disiapkan oleh 11 orang pelajar Grafik FSSR UiTM Kedah dan lebih kurang 30 orang pelajar universiti Thepsatri Rajabhat Thailand dalam masa satu hari. Mural merupakan sebahagian aktiviti dalam lawatan selama 2 hari universiti tersebut selain terlibat dengan beberapa aktiviti lain seperti melukis batik, menari dan lain-lain lagi.



Kolaborasi oleh Grafik FSSR dan Universiti Thepsatri Rajabhat THAILAND



Reqa-Reqa Creative Centre merupakan pusat kreatif yang dijalankan oleh para pensyarah dan merangkumi beberapa kriteria iaitu perundingan, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, khidmat masyarakat, serta aktiviti yang bersuaian dibawah jabatan grafik. Di antara projek perundingan telah berjaya disiapkan adalah projek kerjasama dengan Kolej Pertanian. Di atas kesungguhan pelajar dan pensyarah dalam menaikkan nama jabatan grafik dan media digital, terdapat beberapa anugerah telah dimenangi. Antara anugerah yang dimenangi Grand Award, Diamond Award Design (Young Inventor) dan Gold Award di Invention, Innovation & Design Exposition 2014 dan Memenangi Diamond Award Design (Young Inventor) dan Gold Award di Invention, Innovation & Design Exposition 2016.



Dari kiri ke kanan: Muhamad Nazhan, Sharifah Aina, Rusediana Puteri, Abdul Qayyum, Mohamad Azim, Muhammad Hilmie dan Siti Nurul Aina.



SENI REKA 3D TYPO
Hasil Seni Pelajar

oleh: Neesa Ameera Mohamed Salim



EAD211 (Typographic) adalah salah satu subjek elektif yang ditawarkan kepada pelajar diploma seni lukis seni reka (senireka perindustrian – IDE). Seramai 7 pelajar dari semester 03 telah mendaftar untuk subjek ini bagi semester Mac hingga Julai 2018 di bawah bimbingan Dr Neesa Ameera. Objektif subjek ini adalah untuk memastikan perlaksaan tipografi ini dapat diaplikasikan secara menyeluruh terutamanya dalam bidang percetakan sejurusnya meningkatkan kreativiti pelajar melalui latihan dan tugas yang diberikan. Projek akhir bagi subjek ini memerlukan pelajar menghasilkan tipografi dalam bentuk 3 dimensi dan setiap pelajar disarankan untuk menghasilkan atau mereka sekurang-kurangnya satu huruf menggunakan bahan/ media berdasarkan kreativiti tersendiri. Projek ini adalah tugas secara individu, namun kesemua pelajar semester ini bersetuju untuk bergabung dan menghasilkan tipografi 3D secara kolektif - 'GALERI SENI MERBOK'.

Pelajar diberi masa selama 4 minggu untuk menghasilkan tipografi yang dicadangkan. Muhamad Nazhan dan Muhammad Hilmie telah dilantik sebagai pengurus projek ini untuk memastikan proses yang dihasilkan oleh semua pelajar adalah konsisten dan menepati kualiti dan kriteria yang dikehendaki. Setiap pelajar diberikan huruf secara individu dan perlu memilih muka taip yang sesuai tidak kira dari klasifikasi serif, sans serif atau decorative asalkan mendapat persetujuan bersama. Bagi perkataan 'GALERI', pelajar telah bersetuju untuk memilih papan lapis sebagai medium utama manakala bagi perkataan 'SENI MERBOK', pemilihan pvc board adalah sebagai bahan utama. Hasil akhir tipografi 3D ini telah diusulkan kepada kurator galeri seni merbok, Dr Faryna Mohd Khalis dan telah mendapat maklum balas yang sangat positif untuk diguna pakai oleh galeri. Ini telah membuktikan subjek elektif ini telah berjaya mendedahkan kepada pelajar dengan pengetahuan asas tipografi dari aspek teori dan praktikal.



LAWATAN KE *Galeri Seni Merbak*

oleh: Shuhaila Md Shahid

Rabu, 6 MEI 2018 kami telah menerima pelawat dari SMK Kubang Rotan. Lawatan ini seramai 40 orang pelajar dan 4 orang guru pengiring. Mereka tiba di Galeri ini dalam pukul 11.30 pagi, kemudian pelajar terus diberi taklimat ringkas berkaitan fakulti dan seterusnya dibawa melawat sekitar Galeri. Guru dan Pelajar-pelajar begitu tertarik dengan hasil karya pelajar yang dipamerkan. Sambil melawat banyak soalan yang diajukan tanda minat pada kursus yang ditawarkan di fakulti ini. Antara komen yang turut dikongsi oleh salah seorang guru pengiring, lawatan ini banyak memberi pendekar pada pelajarnya sekaligus membakar semangat untuk terus berjaya sampai hingga ke Menara Gading.

Seramai 80 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Chepir, Sik, Kedah telah dibawa mengunjungi Galeri Seni Merbok pada 10 April 2018. Kira-kira jam 12:00 tengahari, Para pelajar berkumpul di Foyer FSSR untuk mendengar taklimat ringkas daripada Kurator Galeri untuk memperkenalkan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka dan Galeri Seni Merbok. Dr. Faryna juga sempat berkongsi pengalaman serta minat mengenai seni kepada para pelajar. Selain itu, pelajar-pelajar turut didedahkan dengan persekitaran fakulti ini sambil melawat tapak pameran luar, bilik kuliah pelajar diploma dan Ijazah serta bengkel kayu.

Lawatan sekolah bukan sahaja dalam kalangan pelajar sekolah rendah, malah Galeri Seni Merbok turut mendapat kunjungan daripada pelajar sekolah menengah terutama di bahagian utara semenanjung Malaysia iaitu Kedah, Perlis dan Penang. Pelajar juga tidak melepaskan peluang untuk meninjau di sekitar fakulti untuk melihat prasarana yang disediakan seperti makmal, studio dan bengkel bagi kegunaan pelajar diploma di FSSR UiTM Kedah.

Sebagaimana dalam gambar yang dilampirkan di mana sekali lagi Galeri Seni Merbok menerima kunjungan daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Pinang Tunggal, Pulau Pinang. Senyuman diwajah pelajar ini menunjukkan mereka begitu tertarik dengan galeri seni. Banyak ilmu yang ditimba sepanjang sesi lawatan ini. Para pelajar akan terus menyuntik pengalaman ini sebagai pembakar semangat untuk mereka terus berjaya.





APRESIASI SENI & BUDAYA

Galeri Seni Merbak

oleh: Mohamat Najib Mat Noor

3 Jun 2018. Seni dan Budaya merupakan dua entiti yang berbeza dan saling berhubungkait antara satu sama lain. Seni adalah merupakan salah satu alat ekspresi atau kaedah penyampaian yang boleh digambarkan dalam pelbagai rupabentuk. Hasil seni digarap melalui idea dan kreativiti manusia yang bertujuan untuk meluahkan ekspresi, emosi dan keindahan serta dihargai. Kebiasaanya ianya diterjemahkan dalam bentuk catan, lukisan, arca, tarian, bahasa dan sebagainya. Budaya pula adalah cara hidup kita yang diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Budaya adalah sesuatu yang kompleks untuk dipelajari dari aspek tingkah laku dan persepsi (O'neil.D, 2006). Ianya tergolong norma-norma atau nilai kehidupan, kepercayaan, adat, bahasa, dan tradisi yang diwarisi secara turun temurun. Budaya yang diwarisi kini, datangnya dari masyarakat yang terdahulu. Pelbagai bentuk kreativiti dan aktiviti kesenian telah diterjemahkan dalam kehidupan mereka. Seni dan budaya sememangnya tidak dapat dinafikan kepentingannya, kerana budaya sesuatu masyarakat mudah dikenali dan dikenang melalui aktiviti kesenian dan kebudayaannya.